

NCC3203  
CONFIDENTIAL  
**SULIT**



**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

**FINAL EXAMINATION  
PEPERIKSAAN AKHIR**

**SEMESTER II SESSION 2022/2023 (DEGREE PROGRAMME)  
SEMESTER II SESI 2022/2023 (SARJANA MUDA)**

|                                   |  |
|-----------------------------------|--|
| <b>COURSE<br/>KURSUS</b>          | <b>: ISLAM AND ECONOMICS<br/>ISLAM DAN EKONOMI</b> |
| <b>COURSE CODE<br/>KOD KURSUS</b> | <b>: NCC3203</b>                                   |
| <b>DURATION</b>                   | <b>: 2 HOURS<br/>2 JAM</b>                         |

**MATRIC NO.  
NO. MATRIK** : \_\_\_\_\_

**PROGRAMME  
NAMA PROGRAM** : \_\_\_\_\_

**SEAT NO.  
NO. MEJA** : \_\_\_\_\_

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES  
ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Answer all questions.  
*Sila jawab semua soalan.*
- ii. All answers must be written in answer booklet provided.  
*Semua jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*

**DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED  
JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

**THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF SIXTEEN (16) PRINTED PAGES  
KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI ENAM BELAS (16) MUKA SURAT BER CETAK**

**CONFIDENTIAL  
SULIT**

**BAHAGIAN A:**  
**Sila jawab semua soalan**

1. Rukun Islam dan Rukun Iman mempunyai peranan besar dalam mengatur kehidupan masyarakat Islam atas sebab berikut:
  - A. mengesahkan pegangan dan keimanan seseorang kepada Allah
  - B. menyediakan panduan aspek hubungan antara Pencipta dan hamba
  - C. kepentingan hubungan kemanusiaan atas dasar Aqidah yang benar
  - D. semua di atas
2. Etika Islam berkaitan ekonomi menekankan aspek-aspek berikut
  - A. adanya pahala dan dosa
  - B. adanya pengawalan dalam bentuk didikan
  - C. bermatlamat memperoleh keredhaan Allah
  - D. Semua di atas.
3. Yang manakah antara pernyataan berikut adalah **salah**
  - I. Islam adalah agama, ekonomi dan politik sahaja
  - II. Ibadah khusus termasuk solat, puasa, zakat dan haji
  - III. Islam mencakupi ucapan dan pengakuan di bibir sahaja
  - IV. Islam agama samawi yang dianuti oleh lebih 2 bilion pengikut
  - A. I dan III
  - B. I dan IV
  - C. III sahaja
  - D. IV sahaja
4. Berikut adalah status kedudukan yang mengecualikan seseorang itu mengeluarkan zakat **kecuali**
  - A. bukan beragama Islam
  - B. harta adalah hasil dari sumber halal dan haram
  - C. tempoh harta dimiliki mencecah haul 10 bulan
  - D. emas yang disimpan telah melebihi kadar nisab dan haul
5. Kepercayaan dan keyakinan dalam hati terhadap Allah sebagai Tuhan berkait dengan ilmu
  - A. *al-Iqtisad*
  - B. *al-Muamalat*
  - C. *al-Aqidah*
  - D. *al-Akhlaq*

**NCC 3203**  
**CONFIDENTIAL**  
**SULIT**

6. Berikut adalah ilmu yang mengajar manusia mempersembahkan diri hanya kepada Allah
- I. Ilmu Aqidah
  - II. Ilmu Akhlaq
  - III. Fiqh Ibadah
  - IV. Fiqh Muamalah
- A. I sahaja
  - B. I, dan II
  - C. I, II dan III
  - D. Semua di atas
7. Surah Ibrahim ayat 7: 'Dan ingatlah ketika Tuhan kamu memberitahu: Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatku kepada kamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar, sesungguhnya azabku amatlah keras.'
- Ayat ini lebih tepat memperincikan tentang
- I. kepentingan infaq ke jalan Allah
  - II. Allah selaku pemilik mutlak
  - III. adanya hari pembalasan.
  - IV tanggungjawab dan amanah
- A. I dan II
  - B. I, II dan IV
  - C. I dan III
  - D. Semua di atas
8. Berikut adalah antara ilmuan Islam moden yang banyak mengutarakan persoalan ekonomi Islam **kecuali**
- A. Zaharudin Ab Rahman
  - B. Yusuf al-Qardhawi
  - C. Sheikh Imran Hosein
  - D. Ibn Taymiyyah
9. Umumnya, kejayaan pengamalan ekonomi Islam bergantung kepada aspek berikut
- A. komitmen melaksana perintah Tuhan
  - B. adanya teguran dan nasihat berguna
  - C. mengikut apa yang dibuat oleh orang lain
  - D. melaksanakan secara sukarela tanpa paksaan

10. Umumnya, tatacara pemerolehan harta yang baik adalah melalui pendekatan berikut **kecuali**
- wasiat
  - warisan
  - jual beli
  - berhutang
11. Sistem sosial dan muamalat dalam Islam turut merangkumi
- jual beli dan perniagaan
  - hubungan dengan alam sekeliling
  - aspek kejiranan dan hidup bernegara
  - Semua di atas
12. Matlamat pelaksanaan undang-undang Syariah ialah
- laksana perintah Tuhan
  - membentuk keadilan
  - memelihara kepentingan umum
  - memelihara kepentingan individu
- I dan II
  - II dan III
  - I, II dan III
  - Semua di atas
13. *Haul* dalam urusan zakat bermaksud
- waktu urusan bayaran zakat
  - kadar pembayaran zakat
  - tempoh masa zakat dikenakan
  - denda atas kelewatan bayaran zakat
14. Emas dan perak termasuk dalam kategori barang yang dikenakan zakat kerana kedua-duanya
- mempunyai nilai
  - barang ribawi
  - boleh dijual-beli
  - semua di atas

15. Apakah yang dimaksudkan dengan ibadah khusus?
- A. Amalan-amalan yang wajib ke atas setiap umat Islam seperti solat, zakat, puasa dan haji
  - B. Amalan-amalan khusus seperti tahlil dan kenduri arwah
  - C. Amalan-amalan yang disunatkan seperti puasa sunat, solat sunat dan seumpamanya
  - D. Amalan sampingan bertujuan mendekatkan diri kepada Allah
16. Berikut adalah adab-adab bersedekah sebagaimana digariskan oleh Islam **kecuali**
- A. tidak mengungkit-ungkit
  - B. tidak menyakiti perasaan penerima
  - C. tidak disertai dengan niat khusus
  - D. tidak mengharapkan apa juar balasan
17. Manakah antara berikut pernyataan yang benar mengenai riba?
- I. riba turut diharamkan dalam ajaran Kristian dan Yahudi
  - II. Allah isytihar perang terhadap pemakan riba
  - III. riba bermaksud lebih dan bertambah
  - IV. riba *Fadhl* and Riba *Yad* melibatkan barang yang sama
- A. I dan II
  - B. I, II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas
18. Amalan Riba adalah berbeza dengan amalan berzakat atas faktor berikut
- A. Aspek hukum
  - B. Matlamat pelaksanaannya
  - C. Maslahah dalam pelaksanaannya kepada masyarakat
  - D. Semua di atas
19. Bahan-bahan ribawi yang ditangguhkan penyerahannya dalam urusan jual beli adalah haram hukumnya kerana ia terlibat dalam kategori riba
- A. *nasiah*
  - B. *yad*
  - C. *qardh*
  - D. *fadhl*

20. Amalan riba diharamkan atas faktor berikut
- I. Ia menanam sifat tamak dan haloba terhadap harta
  - II. Menghilangkan semangat kasih sayang dan bantu membantu
  - III. Melahirkan ramai kaki penindas dan malas bekerja
  - IV. Menghilangkan nilai-nilai murni kemanusiaan
- A. I dan II
  - B. I, II dan III.
  - C. I, II dan IV.
  - D. Semua di atas
21. Jual Salam mempunyai rukun-rukun berikut **kecuali**
- A. penjual
  - B. pembeli
  - C. modal
  - D. harga
22. Sistem gadaian (*al-Rahn*) memiliki beberapa syarat penting berikut **kecuali**
- A. adanya ijab dan qabul daripada kedua belah pihak iaitu penggadai dan pemegang gadaian
  - B. gadaian hanya berkuat kuasa apabila penyerahan barang berlaku antara kedua belah pihak
  - C. kedua belah pihak terdiri daripada mereka yang boleh pertanggungjawab
  - D. tuan punya barang gadaian boleh menggunakan barang tersebut tanpa keizinan khusus
23. *Wadiyah* adalah satu akad (perjanjian) di antara tuan punya barang dengan
- A. pengusaha barang
  - B. penyimpan barang
  - C. pelabur barang
  - D. pembeli barang

24. Penjual, pembeli, barang, harga dan akad adalah rukun-rukun bagi muamalat
- mudharabah* dan *Musyarakah*
  - jual beli dan *Musyarakah*
  - murabahah* dan Jual beli
  - al-Rahn* dan *Murabahah*
25. Berikut adalah jenis-jenis riba yang sering berlaku dalam urusan jual beli:
- riba *Fadhal*, Riba *Nasiah* dan Riba *Yad*
  - riba *Nasiah* dan Riba *Qardh*
  - riba *Qardh*
  - riba *Yad* dan Riba *Qardh*
26. Asas barang-barang *ribawi* menurut Imam Shafie adalah terdiri dari jenis
- wang dan makanan
  - emas dan perak
  - bahan makanan
  - setiap barang berharga
27. Hadis riwayat Jabir Ibn Abdullah RA:
- 'Baginda Nabi SAW berhutang kepadaku, lalu baginda membayarnya dan melebihkan bayaran kepadaku- (HR Bukhari dan Muslim).
- Hadith ini memberi pengajaran berikut:
- Amalan melebihkan bayaran hutang adalah satu amalan mulia
  - Membantu pemberi hutang dengan bayaran lebih adalah diberi pahala
  - Galakan tolong menolong tanpa bentuk imbuhan atau syarat
  - Urusan hutang piutang adalah dibenarkan dalam agama
- I dan II
  - I, II dan IV
  - I, III dan IV
  - Semua di atas

28. 'Si penjual memberitahu kepada si pembeli bahawa modal bagi kereta yang hendak dijual itu adalah RM 5000, dan beliau kemudian ingin menjualkannya dengan harga RM 5000 ditambah untung RM 2000. Harga jual keseluruhan adalah sebanyak RM 7000.'  
Apakah bentuk muamalat di atas?
- A. *mudharabah*  
B. *musyarakah*  
C. jual beli biasa  
D. *murabahah*
29. Antara kebaikan *Ar-Rahn* adalah sebagaimana berikut **kecuali**
- A. memupuk semangat persaudaraan  
B. menjalin hubungan muhibbah  
C. mengelakkan pinjaman secara ribawi  
D. mendidik sifat jimat-cermat
30. Riba menurut istilah Syara' dapat difahami melalui aktiviti berikut
- I. bayaran hutang melebihi wang pokok mengikut perjanjian yang telah dimeterai.  
II. pertukaran barang ribawi dengan ditangguhkan proses penyerahannya.  
III. pertukaran 2 ekor lembu dengan 1 ekor lembu lain dari jenis yang sama.  
IV. emas Kelantan ditukarkan dengan emas Terengganu dengan timbangan nilai yang berbeza.
- A. I, II dan III  
B. I, II dan IV  
C. I, III dan IV  
D. Semua di atas
31. *Riba al-Qardh* bermaksud
- A. penangguhan penyerahan barang pertukaran jenis ribawi  
B. pertambahan kuantiti dalam penjualan barang ribawi  
C. suatu manfaat atau faedah yang disyaratkan atas hutang piutang  
D. pertambahan yang berlaku dalam jualan barang dengan sebab penangguhan masa

32. Sejarah penubuhan perbankan Islam di Malaysia sejak awal tahun 80an adalah bermatlamat berikut
- I. perbankan alternatif kepada sistem perbankan yang sedia ada.
  - II. perbankan tanpa faedah
  - III. memajukan tahap hidup masyarakat Islam
  - IV. pelaburan yang menguntungkan masyarakat Islam setempat
- A. I sahaja
  - B. I dan II
  - C. I, II dan III
  - D. Semua di atas
33. Faedah dan untung mempunyai beberapa perbezaan yang ketara antara keduanya dari sudut definisi dan implikasinya **kecuali**
- A. faedah dibuat semasa akad tanpa berasaskan kepada untung rugi, manakala penentuan untung dibuat berasaskan untung rugi sebenar
  - B. peratus kadar faedah berdasarkan wang (modal), manakala pembahagian untung berdasarkan kepada jumlah keuntungan yang dicapai
  - C. pembayaran faedah adalah tetap, manakala pembahagian untung adalah bergantung kepada keuntungan projek dijalankan
  - D. faedah adalah berasaskan kadar yang dibayar oleh peminjam, manakala untung adalah kadar yang ditanggung bersama oleh peminjam dan pengusaha
34. Sesuatu akad dalam jual beli barang yang haram cara pemerolehannya adalah
- A. sah
  - B. batal
  - C. harus
  - D. makruh
35. Seorang lelaki mengahwini wanita pada waktu Maghrib malam Raya. Apakah hukum pembayaran zakat fitrahnya bagi pihak si isteri yang ditanggung?
- A. Wajib bayar zakat
  - B. Tidak wajib zakat
  - C. Makruh bayar zakat
  - D. Ditegah sama sekali membayar zakat

**NCC 3203**  
**CONFIDENTIAL**  
**SULIT**

36. Semua urusan jual beli perlu kepada akad jual-beli kerana faktor berikut
- I. mengesahkan jual beli
  - II. meyakinkan penjual dan pembeli
  - III. memenuhi rukun jual beli
  - IV. membersihkan harta yang dijual beli
- A. I, II dan III.
  - B. I, II dan IV.
  - C. I, III dan IV
  - D. Semua di atas.
37. Berikut adakah barang kategori ribawi **kecuali**
- A. bahan makanan asasi
  - B. emas dan perak
  - C. matawang utama sesebuah negara
  - D. semua barang yang ada nilai dan diterima masyarakat
38. Riba dalam konteks perbankan masakini dikenali sebagai
- I. untung
  - II. bunga
  - III. faedah
  - IV. *interest*
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. II, III dan IV
  - D. Semua di atas.
39. Berikut adalah salah satu bentuk pinjaman yang dibenarkan Islam yang bersifat menang-menang dalam urusannya.
- A. Bai' Salam
  - B. Qardhu Hasan
  - C. Rahnu
  - D. Takaful
40. Yang manakah antara pernyataan di bawah adalah benar?
- A. jual beli disebut *khiyar*
  - B. warisan disebut *faridhah*
  - C. sewaan disebut *ijarah*
  - D. hutang disebut *zimmah*

41. Pekerjaan yang halal dari sudut agama ialah sebagaimana berikut **kecuali**
- A. mengusaha ternakan orang lain dengan upah tertentu
  - B. menyusukan anak orang dengan dikenakan upah tertentu
  - C. menjual barang secara ansuran dengan harga lebih tinggi
  - D. menjual sesuatu barang milik orang lain dengan harga berpatutan
42. Jual Salam sering dikaitkan dengan jual beli berikut
- A. tempahan barang dengan dibuat bayaran awal
  - B. membeli dengan menyebut kadar keuntungan
  - C. jual beli yang adanya pilihan menerus dan membatal urusniaga
  - D. jual beli dengan adanya penagguhan serahan barang
43. Jual beli yang ditegah merujuk kepada urusniaga berikut
- I. jual beli dikenakan riba
  - II. jual beli bahan najis
  - III. jual beli semua jenis bangkai termasuk hidupan laut
  - IV. jual beli janin dalam kandungan binatang
- A. I dan II
  - B. II dan IV
  - C. I, II, III
  - D. I, II, IV
44. Terdapat beberapa jenis khiyar yang disebut dalam syariat Islam **kecuali**
- A. khiyar *Majlis*
  - B. khiyar *Aib*
  - C. khiyar *Tabyin*
  - D. khiyar *Wasf*
45. Berikut adalah pernyataan yang benar tentang syarat jual beli
- I. ijab qabul perlu jelas adanya kerelaan
  - II. penjual dan pembeli sama status sosial
  - III. penjual dan pembeli bukan golongan safih
  - IV. barang dijual perlu wujud pada ketika akad
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. I, II dan IV
  - D. I, III dan IV

46. Tanaman yang dihasilkan dari sumber tadahan air hujan, kadar bayaran zakat adalah
- 5%
  - 10%
  - 15%
  - 20%
47. Zakat pendapatan dibayar setelah ditolak komitmen berikut
- tanggungan dan keperluan asas diri
  - pemberian wajib ahli keluarga
  - pemberian wajib ibu bapa
  - semua di atas
48. Perbezaan utama zakat dan cukai pendapatan adalah dalam aspek berikut
- zakat untuk golongan asnaf, cukai untuk pembangunan negara
  - cukai diwujudkan kemudian dari kewujudan zakat
  - zakat adalah hukum Allah, cukai adalah hukum dan peraturan manusia
  - bayaran zakat mengikut syarat ditetapkan, kadar cukai ikut peraturan semasa
49. Apakah yang dimaksudkan dengan harta *rikaz*?
- barang berharga yang tertanam dalam bumi
  - barang berharga yang perlu dikeluarkan zakat
  - emas dan perak yang dikecualikan bayaran zakat
  - emas dan perak yang disimpan dalam bentuk hiasan
50. Sila berikan status hukum pembayaran zakat bagi kenyataan berikut  
'Emas dan perak dalam bentuk matawang serta masih ditransaksikan dalam masyarakat, namun digunakan sebagai perhiasan oleh wanita'
- Tidak wajib dikeluarkan zakat kerana ia termasuk perhiasan
  - Tidak wajib dikeluarkan zakat kerana belum cukup nisab
  - Wajib dikeluarkan zakat, dan disatukan dengan matawang yang cukup nisab
  - Wajib dikeluarkan zakat kerana keduanya termasuk barang dikenakan zakat

51. Asabah dalam sistem faraid adalah sebagaimana berikut **kecuali**
- mewarisi semua saki baki harta yang ditinggalkan
  - melibatkan anak lelaki
  - melibatkan anak perempuan
  - mewarisi harta yang telah ditentukan bahagiannya
52. Ibu si mati akan mewarisi 1/3 harta si mati apabila berlaku keadaan berikut
- si mati tiada mempunyai anak
  - si mati tiada mempunyai isteri
  - si mati tiada mempunyai adik beradik
  - semua di atas
53. Anak luar nikah masih mewarisi harta pusaka dalam situasi berikut
- si mati adalah ayah kandung luar nikah
  - si mati adalah ibu kandung luar nikah
  - si mati adalah adik beradik tiri sebelah bapa
  - si mati adalah adik beradik sebelah bapa
54. Berikut adalah golongan pewaris (tingkatan pertama) yang benar-benar layak menerima harta pusaka **kecuali**
- ibu bapa
  - suami atau isteri
  - adik beradik
  - anak lelaki dan anak perempuan
55. Sabda Nabi SAW:
- 'Setiap hutang yang membawa manfaat kepada tuan punya hutang adalah riba'. Hadith ini memberi pengajaran berikut
- eksplorasi adalah ditegah oleh agama
  - ikhlas adalah pokok pangkal amalan
  - galakan tolong menolong tanpa imbuhan
  - hutang-piutang dibenarkan dalam agama
- I, II
  - I, II, III
  - I, III, IV
  - Semua di atas

56. Pengharaman sesuatu saham dan forex banyak didorong oleh faktor berikut
- keuntungan yang diperolehi
  - urusniaga yang tidak jelas
  - syarikat yang tidak berdaftar
  - dilaksanakan oleh bukan Islam
57. *Dhawil-Arham* dalam pembahagian harta pusaka merujuk kepada
- anak isteri
  - suami isteri
  - anak lelaki dan perempuan
  - lain-lain waris selain di atas.
58. Umumnya, terdapat \_\_\_ ahli waris dari pihak lelaki dan \_\_\_ dari pihak wanita yang layak terima harta pusaka.
- 15 dan 10.
  - 10 dan 15
  - 10 dan 5
  - 15 dan 5
59. Berikut adalah kedudukan pembahagian harta yang diperoleh oleh isteri-isteri si mati **kecuali**
- 1/4 dari peninggalan harta si mati jika tiada anak
  - 1/8 dari harta si mati jika ada anak
  - 1/8 dan dibahagi secara sama rata antara mereka.
  - setiap seorang isteri akan memperoleh 1/8 dari harta si mati
60. Anak perempuan tunggal si mati akan memperoleh \_\_\_ harta peninggalan si mati.
- 100%
  - 50%
  - 25%
  - 15%

## **BAHAGIAN B**

### **Tandakan Betul (A) atau Salah (B) pada pernyataan berikut:**

61. Sedekah wajib merujuk kepada urusan pembayaran zakat.  
=A=                  =B=
62. Sedekah, hibah dan derma termasuk dalam kategori *infaq*.  
=A=                  =B=
63. Zakat dan cukai memiliki banyak persamaan dari sudut pengurusannya  
=A=                  =B=
64. Ternakan lembu dan kerbau adalah termasuk dalam kategori zakat harta  
=A=                  =B=
65. Zakat perniagaan mengambil kira kesemua harta yang dimiliki oleh peniaga  
=A=                  =B=
66. Asabah bermaksud mengambil saki baki harta di mati setelah dibahagi kepada golongan yang berhak  
=A=                  =B=
67. Zakat Fitrah wajib dibayar oleh penjaga terhadap anak-anak kecil bawah tanggungan mereka  
=A=                  =B=
68. Golongan yang kaya tidak mempunyai hak sama sekali pada harta zakat  
=A=                  =B=
69. Harta *mutaqawwim* adalah harta yang berharga dan boleh diguna dalam urusan muamalat  
=A=                  =B=
70. Kadar nisab zakat ternakan (lembu) adalah lebih tinggi berbanding kadar nisab ternakan kambing atau biri-biri.  
=A=                  =B=
71. Anak-anak perempuan si mati yang tiada anak lelaki akan memperolehi 1/2 harta si mati  
=A=                  =B=

72. Orang-orang fakir dan miskin berhak untuk meminta wang zakat mereka dari orang kaya.  
=A=                  =B=
73. Arak dan bangkai termasuk dalam kategori barang yang tidak sah urusan jual beli  
=A=                  =B=
74. Islam menegah pemberian sedekah secara terang-terangan sehingga diketahui oleh orang lain.  
=A=                  =B=
75. Golongan penerima harta pusaka secara Asabah akan memperoleh harta yang paling sedikit berbanding pewaris yang lain.  
=A=                  =B=
76. Pemburuan dan tangkapan termasuk kaedah pemerolehan harta dalam Islam.  
=A=                  =B=
77. Harta yang tidak berharga, tidak sah ijab qabul jual beli yang dilakukan.  
=A=                  =B=
78. Prinsip ekonomi Islam meletakkan untung dan rugi sebagai ukuran utama dalam transaksi yang dijalankan.  
=A=                  =B=
79. Ihsan dalam muamalat Islam merujuk kepada berbuat baik sesame makhluk Tuhan  
=A=                  =B=
80. Harta yang diwasiatkan tidak boleh melebihi 1/2 daripada keseluruhan harga di pewasiat.  
=A=                  =B=

- End of Question -  
- *Kertas Soalan Tamat* -